

Tangani isu kuil dengan cermat

AWANG harap isu Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman di Kuala Lumpur ditangani secara cermat, penuh hormat dan tanpa kontroversi. Maklumlah, ini soal agama dan tempat beragama. Hal yang kecil boleh jadi besar. Awang dah mula tengok komen macam-macam dalam media sosial. Yang tak tahu menahu buat sibuk jadi tambah keruh keadaan.

Pada masa rakyat kita nampaknya makin nipis toleransi agama dan kaum, Awang harap semua pihak baik syarikat Jakel, DBKL hinggalah pemegang amanah kuil haruslah cari jalan penyelesaian sebaiknya. Awang puji semua pihak setakat ini yang bersuara beri penjelasan terbaik. Kata Jakel, tak berlaku perobohan. Kata DBKL akan dicari

Awang
Paku
Serpilh



Muncul
setiap
Rabu
dan
Sabtu

jalan penyelesaian. Datuk Bandar pun melawat ke tapak kuil itu. Pihak kuil pun membuka ruang untuk dialog. Baguslah begitu.

Perkara agama jangan buat main. Semua pihak harus sensitif. Pihak pembangkang pun dah berkata perkara itu mudah beres jikalau mereka yang uruskan. Bagi Kerajaan Perpaduan ini juga ujian tentang setakat mana perpaduan. Awang dengar banyak lembaga *survey* bahawa sokongan kaum India terhadap kerajaan tak macam dulu. Tentulah Kerajaan Madani akan cari cara terbaik nak pastikan semua pihak puas hati dalam isu ini.

Macam kata orang dulu-dulu, ibarat tarik rambut dari dalam tepung, rambut tak putus, tepung tak berserak.